

07/05/1999

Enam syarikat aeroangkasa bentuk konsortium

SEBANYAK enam syarikat aeroangkasa utama bergabung bagi membentuk konsortium yang diterajui Aerospace Industries Malaysia Bhd (AIM) dalam usaha memperkukuhkan industri aeroangkasa negara.

Selain AIM, lima syarikat lain ialah SME Industries Sdn Bhd (SME), Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM), Airod Sdn Bhd (Airod), Aerospace Technology Systems Corp Sdn Bhd (ATSC) dan Aerospace Resources Malaysia Sdn Bhd (ARM).

Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, berkata penggabungan lima syarikat itu bertujuan memastikan penjimatan dan kecekapan kos dalam industri aeroangkasa negara bagi menggembleng kepakaran tempatan untuk bersaing dengan negara lain.

"Kerajaan bersetuju mewujudkan satu struktur yang menggabungkan semua syarikat milik kerajaan dalam industri aeroangkasa.

"AIM dilantik menerajui dan membimbing serta memajukan syarikat di bawahnya untuk mencapai tahap pengkhususan sebenar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani kontrak penyelenggaraan helikopter Alloutte milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) antara Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Hashim Meon dan Pengerusi Airod, Tan Sri Ahmad Johan di Subang, semalam.

Kontrak bernilai RM35 juta itu membabitkan penyelenggaraan dan baik pulih 13 helikopter untuk tempoh tiga tahun bermula 1 April lalu hingga 30 Mac 2001.

Pada majlis itu, Ahmad turut dipakaikan pangkat Kolonel Kehormat TUDM oleh Abang Abu Bakar yang diiringi Panglima TUDM, Datuk Seri Ahmad Saruji Che Ros.

Cadangan penggabungan beberapa syarikat aeroangkasa termasuk milik kerajaan sebagai satu konsortium diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada November tahun lalu.

Penggabungan itu bertujuan mengelakkan pertindihan tanggungjawab, mengurangkan kos serta menjadikan industri aeroangkasa tempatan lebih bersaing di peringkat antarabangsa.

Ketika itu, Airod dikatakan akan menerajui konsortium terbabit, selain AIM, Upeca Engineering Sdn Bhd dan SME Industries Sdn Bhd.

Abang Abu Bakar berkata, kerjasama kerajaan melalui syarikatnya dengan syarikat swasta akan mengekalkan pemantauan berteraskan unsur 'periksa dan imbang' dalam pembangunan industri aeroangkasa negara.

"Walaupun pihak swasta diberi peranan untuk memajukan industri aeroangkasa, peranan kerajaan masih diperlukan untuk memandu hala tuju masa depan industri itu supaya berfungsi dengan lebih berkesan," katanya.

Menurutnya, syarikat terbabit dengan proses penyusunan semula itu perlu bekerjasama sepenuhnya bagi mencapai tahap perkongsian bijak termasuk pemindahan teknologi, penyelidikan dan pembangunan demi keuntungan bersama.

Sementara itu, Ahmad ketika ditemui berkata, kerajaan membuat keputusan memasukkan CTRM, ATSC dan ARM ke dalam konsortium berkenaan walaupun tiga syarikat itu tidak terbabit sebelum ini.

"Kerajaan memutuskan bahawa konsortium itu hendaklah merangkumi semua aspek termasuk pembuatan produk komposit dan peralatan serta penyelenggaraan pesawat pejuang," katanya.

(END)